

# Malaysia

# dipilih

BH - 11 / 5 / 2006

**P**ERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB): Malaysia semalam berjaya memenangi salah satu daripada 47 kerusi Majlis Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB yang baru diwujudkan menggantikan Suruhanjaya Hal Asasi Manusia (UNHRC).

Lebih membanggakan, Kuala Lumpur turut diberi kepercayaan menduduki kerusi berkenaan selama tiga tahun berbanding tempoh minimum setahun yang ditawarkan. Pemilihan ke atas 64 negara yang dicalonkan, dibuat secara undian oleh negara anggota PBB di New York, semalam.

Bagi mewakili segenap rantau, Afrika dan Asia masing-masing diberikan 13 kerusi, Amerika Latin dan Caribbean (8), Barat (7) dan Eropah Timur 6 kerusi.

Sebanyak 13 lagi negara Asia yang terpilih termasuk Bangladesh, Bahrain, China, India, Indonesia, Jepun,

Jordan, Pakistan, Filipina, Korea Selatan, Arab Saudi dan Sri Lanka.

Negara yang gagal terpilih adalah Iran, Iraq, Kyrgystan, Lubnan dan Thailand.

Selain itu Cuba, Arab Saudi, China dan Russia turut terpilih biarpun memiliki rekod hak asasi manusia yang dianggap buruk.

Amerika Syarikat (AS) yang sedari awal membantah penubuhan majlis itu sememangnya tidak dicalonkan kerana keengganan Washington disenaraikan.

Russia sebelum itu dicalonkan bagi kerusi 'panas' yang menyaksikan pembuangan undi pusingan kedua terpaksa diadakan. Selain Russia, negara Eropah Timur lain yang disenarai termasuk Azerbaijan, Republik Czech, Poland, Romania dan Ukraine. Negara yang tewas adalah Albania, Armenia, Georgia, Hungary, Latvia, Lithuania dan Slovenia.

Dengan ketiadaan Kenya, rantau Afrika mencalonkan 13 negara yang menang semua iaitu Algeria, Cameroon, Djibouti, Gabon, Ghana, Mali, Mauritius, Maghribi, Nigeria, Senegal, Afrika Selatan, Tunisia dan Zambia.

Bagi rantau Amerika Latin dan Caribbean, 8 kerusi menjadi milik Argentina, Brazil, Cuba, Ecuador, Guatemala, Mexico, Peru dan Uruguay. Nicaragua dan Venezuela gagal terpilih.

Tujuh negara yang terpilih mewakili blok Barat adalah Britain, Kanada, Finland, Perancis, Jerman, Belanda dan Switzerland. Greece serta Portugal bagaimanapun gagal. - AP

TAKLA NOMBOR

**64**

Negara tersenarai

**47**

Kerusi diperuntukkan

**13**

Kerusi untuk Asia dan Afrika